

26 NOV 1997

Daim-Rakyat (Bernama Ex)

DAIM: RAKYAT MESTI SOKONG KERAJAAN UNTUK ATASI MASALAH EKONOMI

Oleh: Yong Soo Heong

KUALA LUMPUR, 26 Nov (Bernama) -- Rakyat mesti berdiri teguh di belakang kerajaan untuk mengatasi masalah ekonomi sekarang yang berlaku akibat serangan spekulator terhadap ringgit dan pasaran saham, kata penasihat ekonomi kerajaan Tun Daim Zainuddin.

"Apa yang penting pada peringkat ini ialah membantu mengembalikan keyakinan kepada ekonomi," kata Daim, yang menjadi Menteri Kewangan dari 1984 hingga 1991 tetapi terus memainkan peranan aktif dalam pengurusan hal-ehwal ekonomi negara.

"Setiap orang daripada kita mesti memainkan peranan masing-masing," kata beliau dalam satu temuramah eksklusif apabila beliau bercakap dengan panjang-lebar mengenai isu memulihkan keyakinan di tengah-tengah serangan yang tidak henti-hentinya oleh spekulator dan manipulator terhadap ringgit dan pasaran saham.

Semasa temuramah yang berlangsung di pejabatnya di Wisma YPR itu, Daim seperti biasa memakai baju batik, satu kegemarannya yang menjadikan beliau sebagai pendukung kempen "Belilah Barangan Malaysia."

Dengan kelazimannya menggunakan ungkapan yang pendek-pendek, Daim berkata: "Rakyat harus terus bersatu, berdisiplin, tingkatkan produktiviti. Dan jangan membazir."

"Berjimatlah dalam masa seperti ini. Bagi mengatasi masalah yang kita hadapi ini, ia perlukan pengorbanan," kata Daim.

Sesetengah daripada kalangan masyarakat negara ini mungkin sudah menjadi "manja" selepas satu dekad "menikmati keseronokan hasil pertumbuhan yang tinggi," katanya.

"Kita mesti mengubah-suai diri kita dalam menghadapi kenyataan kerana masa untuk bergembira selalunya tidak berkekalan," kata beliau sambil menarik perhatian bahawa masa meloncat dari satu pekerjaan ke satu pekerjaan untuk mengejar gaji lebih lumayan, kini sudah berlalu.

Dalam konteks pengorbanan itu, ada saranan yang dibuat bahawa rakyat boleh memberi sumbangan yang sangat besar dengan mengurangkan penggunaan barangan import kerana ini dapat membantu menyekat pengaliran keluar tukaran wang asing.

Sebagai contoh, cadangan yang dikemukakan ialah supaya rakyat mengurangkan pengambilan gula memandangkan sebahagian besar daripada gula yang digunakan oleh rakyat negara ini perlu diimport.

Jika penduduk Malaysia yang berjumlah 21 juta itu mengurangkan pengambilan gula sebanyak satu sudu seorang, maka jumlah itu tidak perlu diimport lagi.

Bagi kerajaan, ia sudahpun memainkan peranannya dengan memberi subsidi kos bahan bakar di negara ini walaupun nilai ringgit sudah susut kira-kira 40 peratus berbanding dollar Amerika.

Sungguhpun Malaysia mengeluarkan minyak, ia merupakanh minyak mentah bermutu tinggi yang rendah kandungan sulfur, dan minyak itu dieksport untuk memperolehi keuntungan tukaran wang asing manakala minyak mentah dengan kandungan sulfur yang tinggi dibeli dari luar untuk kegunaan dalam negeri.

Sambil menyorot masa sukar yang ditempuhi negara lebih 10 tahun dahulu, Daim berkata Malaysia mengalami pertumbuhan dengan angka tolak pada 1985.

"Ketika itu keyakinan sudah tiada lagi. Bank, syarikat kewangan dan perniagaan menghadapi masalah. Kita tutup bursa saham kita. Keadaan sungguh malap. Kerajaan pun tidak bersatu ketika itu. Tetapi dalam keadaan itu pun kita masih dapat mengatasi semua masalah kerana rakyat bersabar. Rakyat

bersatu dan menyokong kerajaan."

Beliau berkata pada masa seperti ini, rakyat mesti bersatu di belakang kerajaan, yang sudah mempunyai pengalaman dalam pengurusan krisis.

Sambil menegaskan bahawa negara masih belum kehilangan segala-galanya, beliau berkata: "Kita telah melalui keadaan ini dahulu. Dengan adanya sokongan rakyat, kita akan mengatasi masalah yang kita hadapi sekarang. Kita akan hadapi masalah itu bersama."

Daim berpendapat media tempatan juga mempunyai tanggungjawab yang besar dalam keadaan sekarang.

Sambil menyeru wartawan tempatan supaya melaporkan sesuatu dengan benar dan tidak membuat tafsiran secara negatif, beliau berkata media tempatan juga tidak harus bertindak mengikut naluri sekawan, terutama dalam keadaan ekonomi yang tidak menyenangkan seperti sekarang.

"Apa yang dikatakan oleh orang luar kita laporkan. (Tetapi) kita juga seharusnya menyatakan tentang perkara yang baik, perkara yang positif mengenai Malaysia. Takkanlah tidak ada apa yang baik untuk ditulis atau dilaporkan."

Daim berkata peranan untuk mempromosikan negara tidak seharusnya diserahkan kepada kerajaan semata-mata.

Selain itu rakyat Malaysia juga perlu mengelakkan diri daripada mempercayai khabar-khabar angin terutamanya yang boleh merosakkan kestabilan negara.

Daim menceritakan bagaimana beliau begitu terkejut apabila mendapati adanya laporan dalam Internet kononnya Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad pengsan semasa mempengerusikan mesyuarat Kabinet minggu lepas.

Dan apabila Dr Mahathir memanggil mesyuarat Barisan Nasional minggu lepas, khabar-khabar angin bertiup kencang kononnya beliau hendak mengumumkan peletakan jawatannya sebagai Perdana Menteri.

Ekorannya pasaran saham menjunam, bukan sebaliknya, kata Daim. Dengan sinis beliau berkata khabar-khabar angin seperti itu "sepatutnya baik" bagi orang asing dan pasaran memandangkan media asing telah berusaha supaya Dr Mahathir meletak jawatan.

"Semua ini (khabar angin), kita tahu, karut belaka," kata beliau.

Daim berkata masalah ekonomi sekarang merupakan "masalah sementara" yang dapat diatasi oleh Malaysia dengan cara bertindak balas dengan segera kepada perubahan yang berlaku.

"Pengubahsuaian jangka pendek tidak dapat dielakkan. Seperkara yang menggembirakan ialah kita cukup kuat dan fleksibel untuk menghadapi kejutan gelombang jangka pendek yang datang dari luar ini," katanya.

Kerajaan terpaksa bertindak secara bersama dan tegas dan tidak boleh berserah kepada nasib sahaja.

"Itulah sebabnya kita juga perlu memindahkan medan pertempuran kita ke luar negara. Dan negara lain di dunia juga mesti bekerjasama," kata beliau sebagai merujuk kepada langkah Malaysia untuk mendapatkan persetujuan dunia agar urusan niaga mata wang dijadikan lebih telus.

Dengan nada optimis Daim berkata Malaysia tidak seharusnya gagal jika seluruh rakyatnya bersatu.

"Kerajaan kini berada di landasan yang betul dan akan mengambil tindakan yang sewajarnya jika keadaan memerlukan. Fokus kita pada jangka panjang amat jelas," kata Daim, dengan keyakinan yang ketara dalam nada suaranya. -- BERNAMA

SHY SJ NMO